

BAB 5

KESIMPULAN DAN SARANAN

5.0. Pengenalan

Setelah kajian secara teliti dilakukan terhadap tajuk yang dipilih dan dipersetujui, penulis mendapati bahawa Kamus Dewan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka banyak merakamkan kata-kata serapan asing termasuklah kata yang berasal daripada bahasa Arab. Kata yang berasal daripada bahasa Arab diberikan label “Ar” bagi menandakan bahawa entri tersebut berasal daripada bahasa Arab. Walaupun begitu banyak juga entri yang berasal daripada bahasa Arab yang tidak diberikan label “Ar” atas alasan kata tersebut telah lama terserap dalam bahasa Melayu dan menjadi entri Melayu yang mantap.

al-Mu‘jam al-Wasit yang dijadikan rujukan balas utama kepada entri kajian pula tidak menyenaraikan pola entri yang persis kepada entri yang dikaji. Penulis terpaksa mengolah semula padanan makna berdasarkan kata dasar bahasa Arab. Tetapi bukan semua entri yang begitu hanya beberapa entri sahaja yang terpaksa melalui proses tersebut. Kebanyakan entri yang dikaji ada padanannya dalam *al-Mu‘jam al-Wasit* dan sama polanya.

5.1. Kesimpulan

Berikut merupakan beberapa kesimpulan yang diperoleh penulis daripada penulisan dan penyelidikan yang dilakukan:

1. Kedatangan Islam ke Tanah Melayu melalui pedagang dan para pendakwah merupakan titik pertemuan utama pengaruh bahasa Arab yang merupakan keluarga bahasa Afro-Asiatik ke dalam bahasa Melayu yang tergolong dalam keluarga Austronesia. Abad ke-14 hingga abad ke-18 merupakan suatu tempoh yang ketara zaman bahasa Melayu menerima pengaruh bahasa Arab. Sebagaimana kata Abdullah Hassan (1994), kemasukan agama Islam ke dunia Melayu membawa bersama pengaruh Arab. Perkataan-perkataan Arab yang masuk ke dalam bahasa Melayu merupakan kata yang berbentuk: keagamaan, ilmu pengetahuan, adat budaya, pergaulan serta kejadian.
2. Daripada keseluruhan entri yang ada dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (KD4) terdapat sebanyak 1,467 entri berlabel “Ar” berbanding sebanyak 1,355 entri dalam Kamus Dewan Edisi Ketiga (KD3). Sebanyak 112 pertambahan entri. Jumlah 1,467 entri yang dinyatakan merupakan keseluruhan entri yang berlabel “Ar” termasuklah kata yang berbentuk istilah agama dan bermaksud umum. Entri tersebut terdapat dalam pelbagai bentuk iaitu bentuk tunggal, bentuk frasa, dan bentuk *ma‘rifah* dengan ‘al’ yang kebanyakannya merupakan 99 nama Allah SWT atau Asmaul Husna.

Lebih 112 entri yang terdapat dalam KD4 sebenarnya telah melalui proses pengambilalihan entri-entri yang pada mulanya diberikan label “Ar” dalam KD3 tetapi dibuangkan labelnya dalam KD4 kerana dianggap telah mantap sebagai kata Melayu. Bermakna pertambahan entri yang berlaku dalam KD4 sebenarnya lebih daripada jumlah tersebut.

3. Walaupun telah dinyatakan bahawa setiap entri berlabel “Ar” diberikan untuk menunjukkan kata tersebut berasal daripada bahasa Arab namun masih banyak lagi entri-entri lain yang dipinjam daripada bahasa Arab tidak diberikan label ‘Ar’nya.


Perkara ini tidak sepatutnya berlaku kerana terdapat di antara entri yang tidak diberikan label “Ar” itu tidak boleh dianggap mantap kerana penggunaannya amat terhad kepada beberapa perkara sahaja. Contoh seperti entri ‘Al-bai Bithaman ajil’ yang bermaksud konsep perbankan Islam yang merujuk kepada penjualan barang dengan bayaran tertangguh, dan banyak lagi contoh-contoh lain yang kesemuanya berjumlah lebih kurang 607 entri termasuk entri-entri yang dianggap ‘mantap’ penggunaannya dalam bahasa Melayu.

4. Daripada 1,467 entri yang berlabel “Ar” yang disemak, disaring mengikut batasan kajian, terdapat sebanyak 441 entri agama yang berlabel “Ar” dalam KD4. Analisis mendapati bahawa daripada jumlah tersebut, sebanyak 311 entri menepati maksud padanannya dalam bahasa Arab melalui rujukan utama *al-Mu’jam al-Wasit* iaitu

70.5%. Entri yang dinilai 'tepat' merupakan kata yang menepati makna yang diterima oleh masyarakat Melayu dan masyarakat Arab walaupun bagi masyarakat Arab entri tersebut masih mempunyai beberapa maksud lain yang lebih umum selain daripada makna keagamaan.

5. Sebanyak 82 entri atau 18.6% merupakan entri yang dinilai sebagai 'hampir tepat' berbanding kata asal Arabnya. Kebanyakan kata yang dikira sebagai hampir tepat maknanya merupakan kata yang mempunyai titik persamaan dari segi maksud asal tetapi berbeza dari sudut penerangannya sebagai contoh kata 'Jumaat' merupakan hari keenam dalam seminggu bagi masyarakat Melayu tetapi *al-mu'jam al-wasit* menyatakan bahawa ia merupakan hari kelima dalam seminggu. Kedua-duanya bermaksud 'hari' tetapi berbeza pula dari sudut gilirannya. Begitu juga dengan dapatan-dapatan yang lain.
6. Sejumlah 47 patah atau 10.7% entri tidak mempunyai makna yang tepat berbanding *al-Mu'jam al-Wasit*. Kebanyakan kata yang terdiri dalam klasifikasi ini merupakan kata yang bermaksud khusus dalam bahasa Melayu tetapi bermaksud umum bagi bahasa Arab. Sudut pandangan dan huraian yang berbeza setiap kamus juga mempengaruhi perbezaan makna dalam kajian ini. Sebagai contoh kata 'al-Kitab' merujuk kepada al-Quran bagi masyarakat Melayu tetapi *al-Mu'jam al-Wasit* hanya merujuk kepada himpunan helaian sahaja walaupun ada makna 'al-Quran' sekiranya merujuk kepada kitab-kitab Arab yang berkaitan.

7. Kata 'maulud' diletakkan dalam senarai tidak tepat kerana maknanya telah menyimpang jauh daripada makna asalnya. Saya berpendapat bahawa kata ini sebenarnya telah mengalami penyimpangan dari sudut sebutan bukan penyimpangan dari sudut makna. Oleh kerana analisis yang dijalankan melihat kepada zahir kata sebagaimana yang terakam maka kata tersebut dianalisis seperti kata-kata lain.
8. Entri 'maulid' dimasukkan kedalam Kamus Dewan semenjak edisinya yang ketiga lagi bagi memperbetulkan penggunaan kata 'maulud' yang digunakan secara meluas suatu ketika dahulu. Walaupun kata ini mempunyai persamaan maknanya dengan entri asal dalam bahasa Arab, kata ini biasanya tidak digunakan bagi tujuan umum. Kata 'maulid' ini biasa dirangkaikan dengan 'nabi' atau 'rasul' dan secara tidak langsung menjadikan kata ini khusus digunakan untuk makna hari kelahiran nabi. Maka dengan sebab itu kata ini dikelaskan sebagai 'hampir tepat' dengan makna kata asal.



Rajah 5.1
Peratusan ketepatan makna entri agama berlabel Ar dalam KD4

5.2. Saranan

Memandangkan Kamus Dewan merupakan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, maka cadangan dan saranan yang dikemukakan ini lebih ditujukan kepada Bahagian Perkamusan, Jabatan Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

1. Semua entri dalam Kamus Dewan yang berasal daripada bahasa Arab sama ada yang diberikan label “Ar” mahupun yang tidak, perlu disemak dan dinilai semula supaya semua entri yang diketahui asalnya daripada bahasa Arab diberikan label ‘Ar’. Entri Arab yang telah sebatikan sebutannya mengikut lidah Melayu, dicadangkan supaya label “Ar” tidak diberikan seperti kata: perlu, petua yang berasal daripada kata asalnya fardu dan fatwa.
2. Perkataan ‘khalaf’ yang merupakan pasangan kepada entri ‘salaf’ tidak disenaraikan dalam Kamus Dewan Edisi Keempat. Kata ini perlu disenaraikan kerana mempunyai kesinambungan makna dengan maksud kata ‘salaf’ yang membawa maksud generasi sahabat Nabi Muhammad SAW, tabiin dan tabi tabiin.

Setiap kali perbincangan mengenai salaf dilakukan dalam masa yang sama perbincangan mengenai ‘khalaf’ tidak dapat lari daripada perbincangan tersebut. Maka kata ini amat wajar sekali untuk disenaraikan.

Begitu juga dengan nama dua tanah suci iaitu Mekah/Makkah dan Madinah yang sinonim dengan ibadat haji dalam kalangan masyarakat Islam perlu disenaraikan kerana sehingga kini masyarakat masih keliru tentang pengejaannya yang sebenar terutama perkataan ‘Mekah’.

3. Beberapa huraian entri serapan Arab sama ada yang berlabel atau tidak perlu, perlu dinilai semula dengan merujuk kamus-kamus besar ekabahasa Arab seperti *Lisān al-‘Arab*, *al-Mu‘jam al-Wasit* □ *al-Munjid* dan sebagainya agar dapat dilakukan penambahbaikan terhadap beberapa entri yang agak melencong jauh maksudnya berbanding asal.
4. Cadangan supaya label “Ar” tidak dibuang pada edisi seterusnya Kamus Dewan walaupun entri tersebut telah dianggap ‘mantap’ penggunaannya dalam bahasa Melayu. Ini adalah untuk memelihara maklumat yang begitu bernilai untuk masyarakat yang tidak mempunyai pengetahuan yang khusus dalam bidang bahasa dan juga untuk generasi akan datang.
5. Menerbitkan sebuah kamus atau daftar kata yang menyenaraikan seluruh entri Melayu yang telah diserap daripada bahasa Arab sama ada meliputi bidang agama atau umum, yang baru atau lama, yang telah mantap atau tidak. Penerbitan kamus atau daftar kata ini akan dapat membantu ramai penyelidik untuk membuat kajian lanjut mengenai kata serapan Arab dari sudut yang berbeza.

Entri bagi kata yang disenaraikan juga perlu dipadankan dengan tulisan Jawi bagi memudahkan perbandingan dibuat terhadap kata asal Arab melalui rujukan-rujukan berbahasa Arab yang sudah tentu menggunakan tulisan Arab.

6. Entri yang berbentuk istilah agama yang tersenarai dalam tulisan Jawi dalam Daftar Kata Bahasa Melayu (Rumi-Sebutan-Jawi) perlu dikekalkan ejaannya dalam bahasa Arab bagi memelihara maknanya dan sekiranya kata tersebut menjadi kata umum akibat berlakunya perubahan morfologi atau sebagainya, maka kata tersebut tidak menjadi masalah sekiranya disesuaikan mengikut kaedah yang telah digariskan.

5.3. Penutup

Segala kesimpulan adalah berdasarkan penelitian yang dilakukan terhadap entri-entri yang dirasakan perlu diberikan perhatian yang serius untuk memelihara makna keagamaannya yang melibatkan akidah. Cadangan penambahbaikan dan penerbitan beberapa daftar atau kamus akan memudahkan para pengkaji seterusnya yang berhasrat membuat kajian berdasarkan bahan kajian yang sama.

Semoga kajian ini membawa manfaat kepada pengkaji-pengkaji lain untuk membuat kajian yang lebih lanjut atau melihatnya dari aspek yang lain pula pada masa yang akan datang.